

# DAKWAH KONTEKSTUAL DALAM AKTIVITI SYIAR ISLAM DI KAMPUNG SUNGAI PADANG, PAPAR PADA TAHUN 1973

(CONTEXTUAL DA'WAH IN ISLAM SYIAR ACTIVITIES AT KAMPUNG SUNGAI PADANG, PAPAR IN 1973)

RADZI, M. S. M.<sup>1</sup> – HASMIN, M. F.<sup>1\*</sup> – MARINSAH, S. A.<sup>2</sup> – ESA, M. S.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>3</sup> *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: firdaushasmin[at]gmail.com*

(Received 17<sup>th</sup> December 2025; revised 15<sup>th</sup> April 2026; accepted 23<sup>th</sup> April 2026)

**Abstrak.** Makalah ini bertujuan untuk meneliti penganjuran pertandingan Tafsir al-Quran, Syarahan dan Azan yang dianjurkan oleh USIA Cawangan Kampung Sungai Padang, Papar Sabah pada tahun 1973. Objektif utama kajian ini, adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen dakwah kontekstual seperti dakwah bil hal (tindakan), bil lisan (perkataan) dan bil qalam (penulisan) yang diterapkan dalam program tersebut. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kepada analisis dokumen arkib, khususnya Majalah Sinar USIA terbitan tahun 1973. Sehubungan itu, hasil kajian mendapati bahawa penganjuran pertandingan ini sememangnya mengandungi unsur dakwah kontekstual yang komprehensif, iaitu penyampaian mesej Islam yang dilakukan secara bersepadu merangkumi ketiga-tiga elemen dakwah kontekstual tersebut, iaitu dakwah bil hal, bil lisan dan bil qalam. Oleh yang demikian, kajian ini menegaskan bahawa, integrasi elemen kontekstual dalam dakwah sememangnya penting, bagi memastikan mesej Islam dapat disampaikan secara relevan mengikut situasi penerima dakwah (mad'u), agar mesej tersebut dapat diterima dengan baik oleh masyarakat.

**Katakunci:** *USIA, Dakwah Kontekstual, Bil hal (tindakan), Bil lisan (perkataan), Bil Qalam (penulisan)*

**Abstract.** This paper aims to examine the organization of Al-Quran Interpretation, Public Speaking, and Azan competitions by the USIA Kampung Sungai Padang Branch, Papar, Sabah in 1973. The primary objective of this study is to identify the elements of contextual da'wah, namely da'wah bil hal (action), bil lisan (speech), and bil qalam (writing), integrated within the program. To achieve this, a qualitative method was employed based on archival document analysis, focusing specifically on the 1973 editions of the Sinar USIA Magazine. Consequently, the research findings reveal that the organization of these competitions indeed incorporated comprehensive contextual da'wah elements, where the Islamic message was delivered through an integrated approach encompassing all three elements: da'wah bil hal, bil lisan, and bil qalam. Therefore, this study asserts that the integration of contextual elements in da'wah is essential to ensure that Islamic messages are delivered relevantly according to the situation of the recipients (mad'u), ensuring that such messages are well-received by society.

**Keywords:** *USIA, Contextual Da'wah, Bil hal (Action), Bil lisan (Speech), Bil Qalam (Writing)*

## Pengenalan

Sabah merupakan negeri kedua terbesar di dalam Malaysia, selepas Sarawak dengan keluasan 72,500 kilometer persegi (Kerajaan Negeri Sabah, 2026). Dari aspek geografi, negeri ini terletak di utara kepulauan Borneo (Kerajaan Negeri Sabah, 2026). Berdasarkan kedudukan tersebut, negeri ini turut dikenali sebagai Borneo Utara atau North Borneo. Dari aspek sejarah, negeri ini telah mencapai kemerdekaan dalam

peristiwa Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, bersama-sama Sarawak dan Singapura dengan memeterai Perjanjian Malaysia 1963 (Malaysia Agreement 1963) di London. Pun begitu, Singapura akhirnya keluar daripada persekutuan pada tahun 1965 (Aziz, 2014). Oleh hal yang demikian, berdasarkan tarikh tersebut, Sabah telah mengecapi kemerdekaan selama 63 tahun. Daripada aspek demografi, Sabah dihuni oleh penduduk multi etnik. Mereka terdiri daripada etnik Kadazandusun (majoriti, merangkumi 30% daripada jumlah penduduk), Bajau, Murut, Suluk, Bugis, Melayu Brunei, India, Cina dan lain-lain. Berdasarkan hal tersebut, menurut Kerajaan Negeri Sabah (2026), Sabah dilaporkan mempunyai lebih daripada 33 kumpulan etnik yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Dengan kepelbagaian etnik tersebut, menjadikan Sabah sebagai negeri yang sangat kaya dengan budaya dan tradisi sama ada daripada aspek pakaian, makanan, tarian, adat resam, cerita rakyat dan seumpamanya. Daripada aspek agama pula, negeri ini menjadikan Islam sebagai agama rasmi sejak dari tahun 1973. Walau bagaimanapun, agama-agama lain masih boleh diamalkan diseluruh pelusok negeri dengan aman dan damai.

Daripada aspek pentadbiran pula, Sabah mempunyai lebih kurang 30 buah daerah yang dibahagikan kepada lima bahagian pentadbiran, iaitu Bahagian Pantai Barat, Bahagian Tawau, Bahagian Sandakan, Bahagian Kudat dan Pedalaman. Manakala daerah Papar terletak di bawah pentadbiran Bahagian Pantai Barat, dengan daerah Kota Kinabalu sebagai pusat pentadbiran bahagian tersebut. Daripada aspek etimologi, istilah Papar atau nama Papar, dikatakan diambil daripada bahasa Melayu-Brunei, yang bermaksud 'tanah rata' atau 'tanah rendah'. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2026c), turut mendefinisikan maksud 'papar' salah satunya sebagai bahagian yang 'tidak tinggi' tetapi 'rendah', 'datar' dan 'rata'. Dalam konteks geografi, makna ini sangat relevan, kerana daerah Papar sememangnya terdiri daripada kawasan tanah rendah dan rata yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Menurut data banci, pada tahun 2020, daerah Papar dihuni oleh seramai 167,300 orang (DOSM, 2020). Majoritinya, terdiri daripada masyarat Melayu-Brunei, Kadazandusun dan Bajau (KPSB, 2026). Selain daripada itu, di Pekan Papar, terdapat juga komuniti Cina, India dan Pakistan. Dalam pada itu, daripada aspek penganutan agama, majoriti penduduk Papar adalah Muslim, iaitu seramai 105,614 orang. Manakala Kristian, seramai 40,381 orang, Buddha seramai 4,330 orang, Hindu seramai 89 orang dan selebihnya dikategorikan sebagai lain-lain, tiada agama dan tidak diketahui.

Berpandukan latar belakang ini, kepelbagaian budaya dan agama di Sabah amnya, dan di daerah Papar khususnya, menuntut satu pendekatan dakwah yang lebih bersifat dinamik dan inklusif. Hal ini secara langsung menonjolkan kepentingan dakwah yang bersifat kontekstual, iaitu dakwah yang mempertimbangkan situasi semasa masyarakat penerima (mad'u) dan menyesuaikan kaedah dan mesej mengikut situasi tersebut, agar ia mudah diterima dan dihayati oleh mad'u. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2026b), kontekstual adalah 'berkaitan dengan, atau menurut konteks'. Daripada aspek sarjana, menurut Hidayat (2013), dakwah kontekstual adalah dakwah dalam situasi semasa (real situation), yang memberi solusi kepada umat terhadap permasalahan semasa yang sedang mereka hadapi. Sehubungan itu, dakwah kontekstual dapat dijalankan dengan melalui tiga kaedah. Pertama dakwah bil hal iaitu dakwah berdasarkan tindakan yang disesuaikan dengan konteks semasa. Kedua, dakwah bil lisan iaitu dakwah berdasarkan lisan yang disesuaikan dengan konteks pendengar. Ketiga, dakwah bil qalam iaitu dakwah berdasarkan penulisan atau dokumentasi. Justeru, dalam kajian ini, pengkaji akan cuba untuk menganalisis elemen dakwah yang

bersifat kontekstual yang disampaikan secara bil hal, bil lisan dan bil qalam oleh pihak USIA semasa penganjuran pertandingan pendidikan Islam pada tahun 1973 di Kampung Sungai Padang Papar Sabah. Diharap kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak nilai tambah dalam aspek keilmuan serta menjadi rujukan asas bagi penyelidik akan datang dan dapat memperkukuh literatur sedia ada, sekaligus mengisi jurang kajian yang belum diterokai sebelum ini.

### ***Sorotan kajian***

Terdapat banyak kajian lepas yang telah mengkaji berkaitan usaha dakwah di Sabah sama ada sebelum dan selepas kemerdekaan. Umpamanya kajian Borham et al. (2021), yang mengkaji tentang metod-metod dakwah dalam pengislaman di Sabah sebelum era penguasaan British Crown Colony. Selain daripada itu, Yusin (1990) yang mengkaji tentang agama Islam di Sabah, dari sejak sebelum merdeka sehinggalah Sabah mencapai kemerdekaan. Terdapat juga pengkaji yang mengkaji tentang keturunan Arab yang bertapak di Sabah khususnya di daerah Tawau, dan mengenalpasti sumbangan mereka terhadap perkembangan Islam di Sabah. Walau bagaimanapun, kajian yang memfokuskan analisis dakwah kontekstual di peringkat akar umbi khususnya di peringkat kampung, seperti Kampung Sungai Padang, Papar Sabah, pengkaji dapati ia masih sangat kurang dilaksanakan. Sehubungan itu, antara kajian lepas yang mengkaji tentang usaha dakwah di Sabah, antaranya boleh dilihat dalam Khoza et al. (2025), iaitu tentang kesinambungan pendidikan Islam bagi mualaf di Sabah. Dalam kajian tersebut, Khoza et al. (2025), cuba meninjau cabaran-cabaran yang menghalang mualaf daripada mendapat pendidikan Islam atau bimbingan kelas agama. Selain daripada itu, beliau turut mengenalpasti peranan dan inisiatif agensi kerajaan serta swasta dalam menangani isu tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa, antara punca mualaf terhalang daripada mendapat pendidikan Islam ialah kekurangan tenaga pekerja serta pelatih mualaf khususnya di daerah luar bandar (pedalaman). Sehubungan itu, beliau menggesa agar agensi terlibat menerapkan pendekatan yang bersepadu agar dapat meningkatkan kefahaman mualaf terhadap agama Islam khususnya di Sabah.

Selain itu, terdapat sarjana yang mengkaji metod dakwah berdasarkan kaum. Umpamanya, tentang rekayasa dakwah terhadap masyarakat suku kaum Murut di Sabah. Dalam kajian ini, untuk mengenal pasti bentuk-bentuk rekayasa dakwah yang sesuai bagi masyarakat Murut di Sabah. Hal ini kerana, dalam kajian tersebut beliau mendapati wujud ketidaktepatan dalam memilih metod dakwah, yang pada akhirnya akan berpotensi menyebabkan kegagalan dalam menyampaikan mesej Islam. Akhirnya, akan membawa penolakan dalam kalangan mad'u. Buktinya, pada masa kini telah banyak program atau aktiviti yang dilaksanakan untuk menarik orang memasuki Islam, namun usaha-usaha tersebut masih belum berjaya mengetuk pintu hati segelintir masyarakat untuk menerima Islam. Dalam kajian ini, para peneliti mendapati bahawa, terdapat lebih kurang tujuh kelemahan atau cabaran dalam rekayasa dakwah terhadap kaum Murut di Sabah. Antaranya, tahap pengurusan dakwah yang lemah, kekangan kewangan, tahap komitmen pendakwah, latar belakang pendakwah dan sikap masyarakat Murut itu sendiri. Selain itu, terdapat sarjana yang mengkaji peranan tokoh pemimpin dalam menyebarkan Islam di Sabah. Kajian seumpama ini dapat dilihat dalam Hidayat (2013), iaitu tentang peranan Tun Mustapha dan pengukuhan Islam di Sabah dari tahun 1963 sehingga tahun 1973. Dalam artikel tersebut, Mohd Nur Hidayat et al., membincangkan tentang peranan yang telah dilakukan oleh Tun Mustapha dalam mengangkat Islam kepada kedudukan yang lebih baik dan kukuh di Sabah. Sehubungan

itu, beliau mendapati, usaha islamisasi besar-besaran yang dilakukan oleh Tun Mustapha dalam period pentadbiran beliau telah meningkatkan jumlah komuniti Muslim secara signifikan. Dengan demikian, ia memberi peluang proses pindaan Perlembagaan Negeri Sabah perkara 5 (A) untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi di negeri ini pada 23 September 1973. Sehingga ke hari ini, Islam kekal sebagai agama rasmi negeri.

### **Instrumen dan Metod Kajian**

Bagi mencapai objektif dalam kajian ini, iaitu mengenalpasti elemen-elemen dakwah kontekstual yang disampaikan secara bil hal, bil lisan dan bil qalam dalam pelaksanaan pertandingan pendidikan Islam yang dianjurkan oleh USIA Cawangan Kampung Buang Sayang, Papar Sabah pada tahun 1973, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan arkib khususnya Majalah Sinar USIA terbitan 23 Mac 1973. Dalam majalah tersebut, pengkaji meneliti artikel yang bertajuk “Umat Islam di Seru Kuatkan Perpaduan”, pada halaman dua (2) majalah tersebut. Pengkaji memilih majalah ini sebagai sumber primer dalam kajian ini, kerana ia merupakan media rasmi yang digunakan oleh pertubuhan USIA bagi menyampaikan atau merokodkan aktiviti dakwah secara langsung kepada masyarakat Sabah pada waktu tersebut. Sehubungan dengan itu, maklumat yang diperolehi, akan dianalisis secara bertema, iaitu dakwah bil hal, bil lisan dan bil qalam dan sebab mengapa ia diklasifikasikan sebagai bersifat kontekstual.

### **Dapatan dan Perbincangan Kajiann**

#### ***Analisis elemen dakwah bil hal (dakwah melalui tindakan)***

Secara ringkas, dakwah bil hal merujuk kepada kaedah penyampaian dakwah dengan melalui tindakan, perbuatan atau contoh teladan yang baik. Menurut Undriyati (2015), dakwah bil hal adalah proses keteladanan dengan perbuatan nyata melalui pelbagai aspek kehidupan bagi meningkatkan kualiti hidup. Dalam erti kata lain, ia adalah dakwah yang dilakukan dengan cara memperlihatkan sikap, gerak geri, kelakuan dan perbuatan (akhlak) dengan harapan orang (mad'u) dapat menerima, melihat dan mencontohinya. Menurut Razak dan Rahim (2018), ia juga dapat diterjemahkan sebagai dakwah yang memberi khidmat pembangunan, meningkatkan kesejahteraan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup umat sama ada jasmani atau rohani. Selain daripada itu, menurut Fuad (2014) pula, dakwah bil hal adalah dakwah yang dilakukan melalui berbagai-bagai bentuk kegiatan dakwah sama ada melalui pendidikan, bidang politik, kepimpinan dan sosial kemasyarakatan. Menurut Suisyanto (2002) pula, dakwah bil hal ini dapat dilakukan sama ada secara perseorangan (individu) ataupun secara berkumpulan (jema'ah). Selain itu, menurut Fahrurrozi et al. (2019), dakwah bil hal dapat diertikan dengan kegiatan dakwah yang membangunkan prasarana, infrastruktur yang diperlukan oleh masyarakat. Contohnya, membangunkan hospital, sekolah, madrasah, dewan, mewujudkan peluang pekerjaan dan kemudahan lain yang diperlukan oleh masyarakat di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, berdasarkan definisi tersebut, dalam artikel Sinar USIA yang bertajuk “Umat Islam di Seru Kuatkan Perpaduan” terdapat beberapa elemen dakwah bil hal yang ditonjolkan secara kontekstual. Pertama sekali adalah, tindakan penganjur (USIA Cawangan Kampung

Buang Sayang Papar, Sabah) memilih balairaya sebagai ruang pertandingan Islam. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam teks berikut:

*“...peraduan tersebut yang dilangsungkan di balairaya kampung itu”*

Berdasarkan teks tersebut, jelas menunjukkan pertandingan tersebut telah diadakan di ruang balai raya Kampung Buang Sayang Papar. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2026a), balai raya diterjemahkan sebagai ruang untuk orang awam atau orang kampung untuk mengadakan pertemuan, perbincangan ataupun mesyuarat. Dalam erti kata lain, balai raya berperana sebagai ruang sekular bagi melaksanakan apa jua urusan yang melibatkan orang awam atau kampung. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat tindakan penganjur memilih ruang balai raya (sekular) berbanding ruang yang dikhususkan untuk Islam seperti masjid dan surau, menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang dapat hadir di tengah-tengah masyarakat dan bukannya bersifat eksklusif di masjid semata-mata. Secara tidak langsung, ia menyampaikan mesej bahawa Islam adalah agama yang fleksibel dan bersifat universal, iaitu nilai-nilainya melampaui batasan ruang fizikal, sekaligus meruntuhkan tembok pemisah antara urusan keagamaan dengan aktiviti masyarakat seharian. Perkara kedua, adalah tindakan para pemimpin Muslim yang hadir untuk menyaksikan pertandingan tersebut dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat dalam teks berikut.

*“Antara yang hadir dalam majlis yang penuh meriah itu termasuklah YB. Pengiran Tahir Petra, Penolong Pegawai Daerah, Pegawai-pegawai Kerajaan setempat dan para jemputan khas”*

Dalam teks yang lain, program pertandingan tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Agung USIA Seluruh Sabah, iaitu Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Mansoor dan Ketua USIA Cawangan Kampung Buang Sayang, iaitu Tuan Haji Matahir bin Haji Yunus. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam teks berikut.

*“Terdahulu daripada itu. Ketua USIA kampung tersebut, KK. Tuan Haji Matahir bin Haji Yunus telah melahirkan rasa terima kasih kepada para hadirin yang datang menyaksikan pertandingan tersebut terutama kepada Setiausaha Agung Seluruh Sabah. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Mansoor”*

Selain daripada para pemimpin, ia juga turut dihadiri oleh lebih 250 orang masyarakat dari Kampung Buang Sayang Papar dan kampung berhampiran. Sebagaimana dalam teks berikut.

*“Lebih daripada dua ratus lima puluh orang penduduk-penduduk dari kampung itu dan sekitarnya telah hadir menyaksikan peraduan tersebut..”*

Berdasarkan teks tersebut, jelas bahawa ia telah dihadiri oleh para pemimpin Muslim dan 250 orang masyarakat kampung. Pada waktu tersebut, kejayaan menarik angka 250 lebih orang untuk hadir, merupakan satu pencapaian yang patut dipuji. Hal ini kerana, konteks semasa pada waktu itu, tidak seperti yang terdapat pada hari ini, seperti kurangnya akses terhadap jalan raya dan ketiadaan teknologi seperti, telefon pintar dan media sosial sebagai penghubung. Menurut artikel, para hadirin terdiri daripada mereka

yang menetap di Kampung Buang Sayang (tempat program diadakan), Kampung Sungai Padang (3.2km dari Kampung Buang Sayang), Kampung Bembangan (2.6km dari Kampung Buang Sayang), Kampung Takis (3.7km dari Kampung Buang Sayang) dan Kampung Kelatuan (16.9km dari Kampung Sungai Padang). Oleh sebab itu, ia sepatutnya dipuji dan dimuhasabah oleh para pendakwah masa kini, betapa semangat para pendakwah generasi terdahulu mampu menarik ramai orang untuk menghadiri agenda keagamaan, walaupun berdepan dengan cabaran-cabaran sepertimana yang disebutkan. Selain daripada itu, kehadiran para pemimpin USIA dalam majlis tersebut turut mendatangkan impak positif khususnya dalam aspek psikologi dakwah. Masyarakat kampung yang sudah bersusah payah menjayakan program tersebut, akan berasa dihargai dengan kehadiran para pemimpin USIA. Selain itu, masyarakat kampung juga berasa, peranan mereka diiktiraf oleh pemimpin USIA dalam agenda menyebarkan Islam di Sabah. Dengan demikian, semangat masyarakat untuk terus mengadakan program seumpama ini, akan meningkat pada masa hadapan. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam teks berikut.

*“...beliau (ketua USIA Cawangan Kampung Sungai Padang) juga memberitahu bahawa USIA Cawangan Kampung Sungai Padang akan meneruskan usahanya bagi mengadakan pertandingan seumpama itu di tahun-tahun akan datang bagi meninggikan syiar Islam...”*

Selain daripada itu, kehadiran kepimpinan USIA, secara tidak langsung menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa, agenda mendalami ilmu Islam sangatlah penting dan kritikal. Tanggapan ini dapat dibentuk, dengan melihat kehadiran kepimpinan USIA, yang sanggup meluangkan masa, turun padang bagi meraikan dan merasmikan program tersebut. Dalam erti kata lain, ia bertindak sebagai satu bentuk pendidikan melalui teladan (teaching by example) kepada penduduk kampung supaya terus istiqamah, dan kekal bersemangat menyertai sebarang aktiviti keagamaan.

### ***Analisis elemen dakwah bil lisan (ucapan)***

Secara ringkas, dakwah bil lisan merujuk kepada dakwah yang disampaikan melalui kata-kata, pertuturan ataupun komunikasi lisan. Menurut Nordin dan Osman (2024), dakwah bil lisan adalah usaha menyampaikan ajaran dan mesej Islam melalui lisan ataupun ucapan. Tambah beliau lagi, dakwah jenis ini dapat disampaikan sama ada melalui ceramah, khutbah, tazkirah, perbincangan, dialog dan seumpamanya yang berbentuk komunikasi sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hal ini disepakati oleh Ismail (2019), yang menjelaskan dakwah bil lisan adalah interaksi yang menyelitkan mesej-mesej Islam sama ada melalui ceramah atau apa-apa sahaja bentuk komunikasi antara pendakwah dan masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung..

Menurut Anshary (1979), dalam dakwah, para pendakwah perlu memikirkan pemilihan kata agar sesuai dengan latar belakang pendidikan, usia, status dan budaya pendengar. Menurut Ag (2015), pemilihan kata dalam dakwah bil lisan terbagi kepada enam bahagian. Pertama, qawlan layyina (kata-kata lembut agar menyentuh hati dan perasaan pendengar tanpa menyinggung perasaannya), kedua qawlan baligha (kata-kata yang tajam, pedas dan benar khususnya kepada golongan munafik), ketiga qawlan maysura (kata-kata yang mudah diterima, tidak berlapik, dan cepat didengar, khususnya kepada para pendengar yang memerlukan bantuan dengan kadar yang segera), keempat

qawlan karima (kata-kata yang mudah, lembut dan penuh dengan kebajikan, khususnya kepada golongan tua kerana golongan ini sukar untuk menerima teguran yang keras atas faktor lemahnya kemampuan respons psikologi yang disebabkan faktor umur), kelima qawlan sadida (kata-kata yang logik, iaitu dakwah yang disampaikan dengan pendekatan-pendekatan yang logik di akal khususnya kepada golongan pendengar yang mempunyai kemampuan untuk berfikir secara logik dan kritis), akhir sekali qawlan ma'rufa (kata-kata yang bermanfaat, memberi pengetahuan, mencerahkan pemikiran dan memberikan solusi atau penyelesaian kepada pendengar terhadap situasi yang sedang dihadapi mereka).

Berdasarkan pengertian tersebut, pengkaji mendapati terdapat beberapa elemen dakwah bil lisan yang disampaikan secara kontekstual dalam artikel ini. Pertama sekali, ucapan Setiausaha Agung USIA Seluruh Sabah yang menyeru agar masyarakat membersihkan jiwa daripada anasir jahat seperti hasad dengki mendengki semasa sendiri. Sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam petikan di bawah.

*“Katanya perasaan dengki mendengki hendaklah dihapuskan, sebaliknya hendaklah berusaha bagi mencapai kemajuan untuk masa depan mereka yang lebih sempurna”*

Berdasarkan petikan tersebut, dakwah bil lisan yang ditonjolkan adalah berbentuk nasihat dan peringatan, supaya masyarakat yang hadir menghapuskan perasaan dengki mendengki sesama sendiri, dan berusaha untuk memajukan diri demi kehidupan yang lebih sempurna pada masa akan datang. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman agar manusia sentiasa memberi peringatan kepada manusia yang lain. Sebagaimana dalam Surah az-Zariyat ayat 55 yang bermaksud “dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang mukmin”. Dalam sebuah hadis, yang diriwayatkan daripada Sayyidina Abu Ruqayyah Tamim al Dari RA, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda “Agama adalah nasihat” (HR. Muslim, No: 50). Dalam sebuah hadis yang lain, Nabi Muhammad SAW turut bersabda, “Barangsiapa di antara kalian melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya...” (HR. Muslim, No: 49). Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis tersebut, jelas ucapan itu mengandungi mesej Islam dan menepati tuntutan syarak. Dalam pada itu, seruan beliau agar masyarakat berusaha mencapai kemajuan untuk mengubah nasib hidup, secara tidak langsung menunjukkan bahawa Islam tidak pernah memisahkan antara tuntutan ukhrawi dan kejayaan duniawi. Selaras dengan kata-kata Imam al-Syafie, ‘Barangsiapa yang menginginkan dunia maka hendaklah dengan ilmu. Dan barangsiapa yang menginginkan akhirat maka hendaklah dengan ilmu, barangsiapa yang ingin kedua-dua hendaklah dengan ilmu’ (Susilo, 2022).

Kedua, dalam aspek pertandingan syarahan dan azan, ia turut mengandungi elemen dakwah bil lisan. Dalam konteks pertandingan, ia berbeza dengan format ceramah biasa yang bersifat lebih santai dan bersahaja. Di mana, para peserta perlu menyusun gaya bahasa yang menarik, intonasi yang jelas dan lantang, serta hujah yang bernas untuk menarik perhatian juri dan penonton. Perkara ini, menjadikan mesej yang disampaikan mudah difahami dan dihayati oleh audiens. Pun begitu, dalam artikel yang dirujuk tidak diselitkan teks syarahan khususnya teks syarahan bagi peserta yang mendapat johan, iaitu Cik Fatimah, dari Kampung Sungai Padang Papar. Dalam pada itu, pengkaji tertarik apabila kategori ini dimenangi oleh peserta wanita, mengatasi peserta lelaki yang hanya mendapat tempat kedua (naib johan) iaitu En. Mujin dari Kampung Buang

Sayang dan En. Yunus (ketiga) dari Kampung Sungai Padang. Perkara ini sekaligus menunjukkan bahawa, pada ketika itu, tokoh wanita atau suara-suara wanita, turut diiktiraf dan mempunyai peranan yang sangat besar dalam menyebarkan syiar Islam. Hal ini menunjukkan kreadibiliti USIA, dalam melaksanakan dakwah kontekstual, iaitu menyampaikan mesej Islam kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira gender. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut.

*“Dalam bahagian syarahan, wakil dari Kampung Sungai Padang, Cik Fatimah Haji Jamaluddin telah diumumkan sebagai johan. Manakala Encik Mujin bin Abas dari Kampung Buang Sayang sebagai naib johan. Tempat ketiga, dimenangi oleh Encik Yunus bin Tarin juga dari Kampung Sungai Padang”*

Seterusnya, elemen dakwah bil lisan dalam pertandingan azan. Secara ringkas, azan bermaksud kalimat-kalimat tertentu yang dilaungkan untuk memanggil orang bersembahyang (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2026). Selaras dengan sebuah hadis Nabi Muhammad SAW, iaitu “jika telah tiba (waktu) solat, hendaklah salah seorang dari kalian mengumandangkan azan untuk kalian...” (HR. Muslim, No: 674). Sehubungan itu, dalam tradisi Islam, laungan azan bermaksud telah masuknya waktu solat fardhu, iaitu solat Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Dalam aspek dakwah bil lisan pula, azan merupakan pengisytiharan lisan tentang keesaan Allah dan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana, dalam bait azan, terdapat di sana kalimah yang membesarkan Allah SWT, mengakui tidak ada tuhan yang disembah melainkan Allah SWT, mengakui bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Rasul Allah SWT, ajakan untuk menunaikan solat yakni beribadah kepada Allah SWT, ajakan untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat, dan diakhiri dengan kalimah tauhid, iaitu mengakui bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT. Dalam konteks pertandingan, para peserta akan melaungkan azan dengan kualiti vokal yang mantap, irama taranum yang merdu serta makhraj yang tepat. Keadaan ini, tentu sekali akan menjadi daya tarik masyarakat, dan menyentuh emosi para audiens yang mendengarnya pada ketika itu. Sekaligus, menyampaikan mesej bahawa, Islam adalah agama yang penuh seni, dan sarat dengan keindahan kepada masyarakat setempat. Dalam pada itu, pada hemat pengkaji sendiri, inisiatif USIA mempertandingkan kategori azan ini pada waktu tersebut, mengandungi hikmah yang tersendiri. Iaitu, para audiens yang terdiri daripada masyarakat kampung yang hadir, dapat mendengar, dan mempelajari kaedah, sebutan dan laungan azan yang tepat daripada peserta secara langsung. Sehubungan dengan itu, kategori ini, telah dimenangi oleh Tuan Haji Abdul Razak, bilal dari Kampung Takis, tempat kedua dan ketiga pula dimenangi oleh En. Jasri, bilal dari Kampung Bembangan dan En. Abu Ali, bilal dari Kampung Sungai Padang.

### ***Analisis dakwah bil Qalam (Tulisan)***

Secara umumnya, dakwah bil qalam bermaksud penyampaian dakwah melalui penulisan, persuratan ataupun dokumentasi. Dalam erti kata lain, ia merupakan kaedah dakwah yang statik, namun demikian, ia mempunyai impak yang sangat luas dan kekal lama, kerana ia boleh dibaca berulang kali melampaui zaman dan tempat. Menurut (Rusyanti dan Dinata, 2025), dakwah bil qalam adalah satu bentuk dakwah kontemporati yang dilakukan melalui media tulisan. Selain daripada itu, menurut Fitria dan Aditia (2019) pula, dakwah bil qalam sebagai metod berdakwah yang membantu memperbaiki kelemahan dakwah yang hanya dilakukan dengan lisan. Hal ini kerana,

dakwah bil lisan yang mempunyai kekurangan pada jangkauan dan waktu, dapat dipenuhi oleh dakwah bil qalam. Berdasarkan definisi tersebut, dalam artikel ini terdapat beberapa elemen dakwah bil qalam yang ditonjolkan. Pertama, Majalah Sinar USIA yang sedang dirujuk oleh pengkaji sendiri juga adalah salah satu bentuk dakwah bil qalam. Walaupun ia diterbitkan sejak tahun 1973 yang lalu, namun segala dokumentasi usaha dakwah yang dilakukan pada waktu tersebut, masih dapat dibaca ulang oleh generasi pada masa kini.

Dalam konteks 1973 pula, Majalah Sinar USIA, menjadi platform utama pihak USIA mendokumentasikan semua usaha dakwah yang telah dilaksanakan. Dengan demikian, seluruh masyarakat Sabah, sama ada yang menetap di bahagian Pantai Barat, Pantai Timur, mahupun di Pedalaman, dapat mengetahui setiap aktiviti dakwah pihak USIA. Contohnya artikel yang bertajuk “USIA Beaufort Setuju Adakan Pelajaran Agama Standard” (halaman 1) dan “Sebanyak 62 Buah Sekolah Agama Islam Telah Diadakan” (halaman 6). Selain daripada artikel-artikel tentang aktiviti-aktiviti USIA, terdapat juga artikel yang membicarakan usaha sama Sabah dengan negeri-negeri di Semenanjung. Contohnya, “Sabah dan Kelantan Sedang Meneliti” (halaman 2). Selain itu, terdapat juga artikel yang membicarakan tentang hukum-hukum Islam seperti “Pengharaman Minuman Keras Beralkohol” (halaman 7). Dengan adanya Majalah Sinar USIA pada waktu tersebut, penyampaian mesej dakwah seumpama ini, dapat dilakukan pada skala yang lebih luas, melangkaui sempadan geografi. Hal ini sekaligus memastikan, masyarakat yang berada di pedalaman turut mendapat akses kepada bahan dan maklumat agama yang sahih dari sumber yang berautoriti seperti USIA.

Selain daripada itu, pengkaji berpendapat bahawa pertandingan tafsir al-Quran yang dilangsungkan, juga merupakan dakwah bil qalam. Hal ini kerana, proses mentafsir tidak dapat dilakukan oleh masyarakat awam, melainkan para peserta yang mempunyai kebolehan dan latar belakang pendidikan Islam. Pandangan pengkaji ini, dapat dibuktikan dengan melihat latar peserta yang memenangi kategori ini. Berdasarkan artikel tersebut, johan bagi kategori ini dimenangi oleh Cik Mariah dari Sekolah Rendah Kerajaan Pekan Papar. Jelas bahawa, pendidikan Islam sangat penting dalam mendalami dan menyampaikan ilmu Islam. Sekaligus menunjukkan bahawa, mendapat pendidikan sangat penting kepada masyarakat. Tuntasnya, daripada kajian ini didapati bahawa, keberkesanan dakwah bil hal, bil lisan dan bil qalam yang dilaksanakan pada waktu tersebut, membuktikan institusi agama khususnya USIA peka terhadap situasi semasa masyarakat, yang baru mengenali agama Islam. Pelaksanaan program di ruang awam, seperti balai raya membolehkan Islam mendekati masyarakat dengan lebih erat. Sekaligus menafikan tanggapan bahawa Islam hanya eksklusif di masjid dan surau sahaja. Selain daripada itu, pertandingan syarahan, azan dan tafsir al-Quran, masing-masing mempunyai hikmah yang tersendiri, terhadap dakwah Islam pada ketika itu. Justeru, pengkaji berharap kajian ini dapat menjadi rujukan kepada generasi masa kini khususnya golongan pendakwah dalam merangka strategi yang lebih bersifat inklusif, dalam menyantuni masyarakat yang pelbagai di Sabah. Kerana Islam, bukan hanya sekadar agama, tetapi panduan hidup kepada seluruh umat manusia.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, penganjuran pertandingan ini menjadi salah satu bukti dakwah kontekstual yang dilakukan oleh USIA. Pendekatan bil hal dapat mengubah tanggapan masyarakat mengenai agama Islam. Pendekatan bil lisan dapat menyentuh hati dan

emosi masyarakat terhadap agama Islam. Manakala pendekatan bil qalam dapat menyampaikan mesej Islam secara lebih luas, melangkaui sempadan geografi sekaligus memenuhi ruang yang tidak dapat dipenuhi oleh dakwah bil lisan pada ketika itu. Sehubungan itu, kesepaduan ketiga-tiga kaedah ini membentuk satu ekosistem dakwah yang mapan dan ampuh, di samping kebijaksanaan insititusi dan pendakwah dalam merelevankan ia, mengikut situasi semasa masyarakat penerima dakwah (mad'u).

### **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Ag, F.S. (2015): Psikologi dakwah. – Prenada Media 256p.
- [2] Anshary, I. (1979): Mujahid Dakwah, Pembimbing Muballigh Islam. – Bandung: Penerbit CV, Dipanegara 318p.
- [3] Aziz, A.R.A. (2014): Demokrasi di Malaysia. – ITBM 103p.
- [4] Borham, A.H., Abdullah, W.H., Rahim, M.M.A. (2021): Metod Dakwah dalam Pengislaman di Sabah (Sebelum Era Penguasaan British Crown Colony): Method of Da'wah in the Islamisation in Sabah (Before the Era of British Crown Colony). – Jurnal Usuluddin 49(1): 1-26.
- [5] Department of Statistic Malaysia (DOSM) (2020): Kependudukan Negeri Sabah. – DOSM Sabah 4p.
- [6] Fahrurrozi, Faizah, Kadri (2019): Ilmu Dakwah. – Prenadamedia Group 220p.
- [7] Fitria, R., Aditia, R. (2019): Prospek dan tantangan dakwah bil qalam sebagai metode komunikasi dakwah. – Jurnal Ilmiah Syi'ar 19(2): 224-234.
- [8] Fuad, Z. (2014): Pembangunan Dakwah Semasa. – Bangi UKM 249p.
- [9] Hidayat, A.S. (2013): Membangun Dimensi Baru Dakwah Islam: Dari Dakwah Tekstual menuju Dakwah Kontekstual. – Jurnal Dakwah Risalah 24(2): 1-15.
- [10] Ismail, A. (2019): Dakwah Lisan Menerusi Khutbah Jumaat. – Harian Metro Web Portal 6p.
- [11] Kamus Dewan Edisi Keempat (2026a): Balai raya. – Kamus Dewan Edisi Keempat Web Portal 2p.
- [12] Kamus Dewan Edisi Keempat (2026b): Kontekstual. – Kamus Dewan Edisi Keempat Web Portal 2p.
- [13] Kamus Dewan Edisi Keempat (2026c): Papar. – Kamus Dewan Edisi Keempat Web Portal 5p.
- [14] Kamus Pelajar Edisi Kedua (2026): Azan. – Kamus Dewan Edisi Kedua Web Portal 3p.
- [15] Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (KPSB) (2026): Sazau Papar. – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), KPSB 5p.
- [16] Kerajaan Negeri Sabah (2026): Pengenalan. – Kerajaan Negeri Sabah Web Portal 4p.
- [17] Khoza, K.I.M.F., Ambo, N.I., Saari, N.F.Z. (2025): Pendidikan Islam bagi Mualaf di Sabah: Analisis cabaran dan peranan agensi pelaksana. – International Journal of Education, Psychology and Counselling 10(59): 1127-1138.

- [18] Nordin, A.H., Osman, K. (2024): Pendekatan Da'Wah BI al-lisan kepada golongan professional dan pemimpin. – In Prosiding Seminar Da'wah & Wahdah al-Ummah 2024 10p.
- [19] Razak, A.A.B.A., Rahim, M.H.B.A. (2018): Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. – Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 17p.
- [20] Rusyanti, S., Dinata, Y. (2025): Dakwah Bil Qalam: Analisis Pesan Dakwah dalam Novel Kisah Cinta Insan dan Kamil karya Kinoysan. – Jurnal Al-Misbah 21(1): 11-27.
- [21] Suisyanto (2002): Dakwah Bil hal (Suatu Upaya Menumbuhkan Kesadaran dan Mengembangkan Kemampuan Jamaah). – Jurnal Aplikasi Ilmu-Ilmu Agama 3(2): 182-192.
- [22] Susilo, A. (2022): Keutamaan Menuntut Ilmu dalam Islam. – Galeri Dakwah 10p.
- [23] Undriyati, S. (2015): Strategi Dakwah Bil Hal Di Masjid Jami' Asholikhin Bringin Ngaliyan. – Skripsi Universitas Islam Negeri Wali Songo Semarang 119p.
- [24] Yusin, M. (1990): Islam di Sabah. – Dewan Bahasa dan Pustaka 127p.